

UNIT 8: PENDIDIKAN MORAL TAHUN 3

Hadapi Cabaran Demi Sekolah

Nama

Kelas

Aktiviti 1: Baca dan fahami petikan di bawah.

UNIT 9 **HADAPI CABARAN DEMI SEKOLAH**
Baca dan fahami.

KONSEP



Pencapaian Kokurikulum Sekolah

Melvin murid Tahun 3 Bestari. Dia menjadi johan pertandingan catur peringkat daerah. Walaupun pertama kali menyertai pertandingan ini, Melvin tetap memberanikan diri. Menurut Melvin, dia mempelajari teknik bermain catur melalui video, Internet dan tunjuk ajar daripada guru. Melvin berani menghadapi cabaran untuk menaikkan nama sekolah. Dia berasa sungguh gembira kerana sikap beraninya telah membawa kejayaan kepada sekolah.



Aktiviti 2 : Lengkapkan dengan jawapan yang betul.

teknik bermain catur melalui video, Internet dan tunjuk ajar

Dia menjadi johan pertandingan catur peringkat daerah.

sikap beraninya telah membawa kejayaan kepada sekolah.

menghadapi cabaran

Pencapaian Kokurikulum Sekolah

Melvin murid Tahun 3 Bestari.

Walaupun pertama kali menyertai pertandingan ini, Melvin tetap memberanikan diri. Menurut Melvin, dia mempelajari

daripada guru. Melvin berani untuk menaikkan nama sekolah. Dia berasa sungguh gembira kerana

Aktiviti 3 : Padankan dengan jawapan yang betul.

Padankan gambar dengan pernyataan yang betul.

SP9.1 TPI



1.



Berani menyertai pertandingan bercerita di sekolah

2.



Berani menolak ajakan yang negatif

3.




Berani mengetuai pasukan sekolah dalam suatu program

4.




Berani memegang jawatan tertinggi dalam organisasi kelas

5.



Berani melaporkan salah laku murid di sekolah

Aktiviti 4 : Lengkapkan dengan jawapan yang betul.

B. Nyatakan cara berani menghadapi cabaran yang terdapat di sekolah dengan betul. SP9.2 

KBAT Mengaplikasi

Saya akan menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan baik

Saya akan memastikan pasukan saya sentiasa bersatu dan bekerjasama untuk berjaya

Saya akan menolak ajakan rakan dan menasihatinya dengan baik

Saya akan menyahut cabaran tersebut dan berusaha untuk melakukan yang terbaik

Situasi	Cara Menghadapi Cabaran
1. Kamu telah terpilih untuk menyertai pertandingan berpidato di peringkat sekolah.	
2. Rakan kamu mengajak kamu menconteng dinding pada suatu sudut di belakang dewan pada waktu rehat.	
3. Guru telah mengenal pasti kelebihan diri kamu. Beliau melantik kamu sebagai pemimpin kecil sekolah.	
4. Pasukan bola jaring sekolah telah berjaya melayakkan tempat untuk bertanding di peringkat daerah. Kamu dipilih sebagai ketua pasukan.	